



UCAPAN

**YB DATO' DR, XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN KATS
BERTEMPAT DI DEWAN Baiduri**

10 JANUARI 2020

Salam Hormat dan Selamat Tahun Baru 2020

YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,
Ketua Setiausaha, Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERUSAHA DR. MOHD. MOKHTAR BIN TAHAR,
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BIN ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembedungan);

YANG BERUSAHA ENCIK BADURUNHISAM BIN MOHD NOR,
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan);

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin
sekalian.

1. Terima kasih kepada semua warga KATS yang sudi hadir di Majlis Perhimpunan KATS pada pagi ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga kerja KATS dan Jabatan atas komitmen, keazaman dan semangat kerja berpasukan yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan sepanjang tahun lalu. **Tanpa kerjasama erat** ini, kejayaan KATS pada tahun lepas tidak akan tercapai.
2. Hari ini kita telah berada sepuluh hari di Tahun 2020. Saya berkeyakinan dengan sokongan padu daripada YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha serta Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi dan tidak dilupakan Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan, kita pasti mencapai Visi Kementerian iaitu sebagai **“Peneraju Pengurusan Air, Tanah Dan Sumber Asli Secara Mampan Untuk Kesejahteraan Negara”**. Apa yang penting kita harus terus bekerjasama bagi memastikan kegemilangan Malaysia Baru bukan sahaja di peringkat domestik malah juga di peringkat global.
3. Tahun 2020, bakal menyaksikan pengenalan kepada beberapa pelaksanaan Agenda Pembangunan Negara daripada persepektif tadbir urus, ekonomi, sosial dan budaya. Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran-cabaran yang bakal mendatang memerlukan satu tindakan yang strategik dan sistematik untuk kita hadapi.

Hadirin sekalian.

4. Bagi mencapai Visi dan Misi Kementerian, seluruh warga KATS serta Jabatan-Jabatan di bawahnya haruslah sentiasa bekerja kuat untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Kita perlu sentiasa berada di dalam keadaan bersedia kerana mulai saat ini, kita tidak boleh terus leka dengan kejayaan lalu. “*Business is No More as Usual*”. Apa yang penting ialah bagaimana kita boleh memanfaatkan Teknologi Revolusi Industri 4.0, Perkongsian *Big Data*, Teknologi Rangkaian 5G dan *Artificial Intelligent* (AI) dalam memastikan Visi dan Misi KATS dapat dicapai.

5. Tahun 2019 menyaksikan banyak insiden yang dekat dengan rakyat berkaitan isu-isu air dan sumber asli telah berlaku. Di antaranya ialah penutupan loji rawatan air (LRA) akibat pencemaran sungai, kejadian banjir kilat di kawasan-kawasan bandar yang menerima purata hujan yang tinggi dan sistem peparitan tidak diselenggara dengan betul; pencerobohan hutan secara rakus samada bagi mendapat flora dan faunanya atas dasar pembangunan. Kematian Iman iaitu satu-satunya spesies Badak Sumbu Sumatra atau nama saintifiknya **Dicerorhinus Sumatrensis** pada 23 November 2019 yang lalu merupakan suatu kehilangan yang amat besar kepada khazanah biodiversiti negara.

6. Saya memandangi serius Isu Penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi akibat pencemaran bau pada bekalan sumber air mentah pada bulan Disember 2019. Siasatan mendapati pencemaran tersebut disebabkan oleh tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang dengan sengaja membuang sisa haram dengan bau pelarut ke dalam saluran air loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium (IWK Sdn Bhd) berhampiran Bandar Bukit Mahkota. Tindakan serta merta perlu diambil oleh pihak Air Selangor bagi memastikan isu penutupan LRA itu tidak berulang lagi. **Enough is enough.**

7. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga perlu bertindak tegas terhadap kilang-kilang haram terutama yang dibina di rizab-rizab sungai dan kawasan tadahan yang menyebabkan kawasan tersebut terdedah kepada aktiviti pencemaran. PBT juga dicadang untuk meningkatkan penggunaan teknologi digital termasuklah Pemetaan Udara GIS bagi memantau dan mengesan struktur haram yang dibina dengan lebih baik bersama pangkalan data mengenai struktur yang diluluskan sepanjang rizab sungai. Selain itu, pengurusan *sullage* perlu dipertingkatkan kerana ini adalah salah satu isu yang boleh membawa kepada pencemaran sungai yang menjadi sumber air mentah. Memandangkan kos bagi menguruskan isu-isu pencemaran amat tinggi, kemungkinan Kerajaan boleh menimbang untuk memperkenalkan cukai alam sekitar berdasarkan pelepasan beban pencemaran yang selama ini terus disalurkan ke dalam sungai dan kesannya ditanggung oleh masyarakat umum.

Hadirin sekalian.

8. Sebagai salah sebuah negara Megadiversiti dunia, adalah menjadi keutamaan kepada KATS untuk memastikan Khazanah Negara itu terus terpelihara. Usaha-usaha kita tidak berhenti setakat di situ sahaja. KATS akan mengambil langkah lebih agresif bagi mengkaji dasar-dasar sedia ada supaya kekal relevan di samping menggubal dasar-dasar baharu. Inisiatif nasional seperti *Central Forest Spine* (CFS) dan *Heart of Borneo* (HOB) akan diteruskan pada tahun 2020 di samping mempertingkatkan aktiviti-aktiviti memulihara hutan terosot yang lain.
9. KATS juga akan memberi tumpuan kepada program penghutan semula (*reforestation*) dan satu kempen besar-besaran penanaman 100 juta pokok bagi tempoh 2020 hingga 2025 akan dilancarkan sempena Hari Hutan Antarabangsa 2020. Secara keseluruhannya, inisiatif berkaitan pemuliharaan hutan telah diperuntukkan sebanyak RM48 juta pada tahun 2020.
10. Sewaktu Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada tahun 1992, Malaysia dengan rasa tanggungjawab memberi komitmen mengekalkan 50% kawasan hutannya. Apa yang membanggakan kita ialah, Malaysia berjaya mengekal liputan hutan melebihi sasaran iaitu sebanyak 55.3%. Semestinya kejayaan negara itu adalah hasil kerjasama erat yang terjalin di antara Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh KATS dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang merupakan *custodian* terhadap isu-isu air, tanah dan sumber asli negara.

Hadirin sekalian,

11. Saya juga ingin mengumumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada **Third ASEAN Conference on Biodiversity (ACB 2030)** yang akan diadakan pada 16 hingga 19 Mac 2020 bertemakan *Towards 2050: Living In Harmony with Nature*. Persidangan ini merupakan platform kepada Malaysia dan ASEAN dalam mengumpulkan input yang berkaitan sebagai persediaan kepada Persidangan Ke-15 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Fifteenth Meeting of the Conference of Parties to the Convention on Biological Diversity - COP15*) yang akan diadakan di Kunming, China tahun 2020.

12. Walaupun jumlah Harimau Malaya yang merupakan Jata Negara kebanggaan kita kini dianggarkan kurang daripada 200 ekor, KATS bakal meneruskan **Kempen Selamatkan Harimau Malaya** pada tahun ini. Dengan pelancaran kempen tersebut oleh YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Binti Mohd Ali, Penaung Kempen pada bulan Julai 2019 yang lalu, telah menyaksikan tertubuhnya pakatan strategik di antara KATS melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) menerusi **Operasi Bersatu Khazanah (OBK)**.

Hadirin sekalian,

13. Operasi ini telah membuahkan kejayaan apabila sebanyak 18 kes tangkapan melibatkan 47 pesalah telah berjaya dicapai setakat ini. Operasi ini akan diteruskan pada tahun 2020 secara besar-besaran bagi mencapai sasaran *Zero Poaching* dalam jangka masa panjang dan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Ia jelas membuktikan komitmen Kerajaan bagi melindungi khazanah negara yang tidak ternilai ini. Tahniah diucapkan kepada Jabatan PERHILITAN dan PDRM. Semoga kejayaan yang dicapai menerusi operasi ini dapat dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

16. Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada **Persidangan 4th Asia Ministerial Conference on Tiger Conservation AMC 2020** yang akan diadakan pada bulan 29 Jun 2020. Ia membolehkan Malaysia berkongsi pengalaman dalam menjayakan agenda *National Tiger Conservation Action Plan (NTCAP)* untuk Malaysia. Pelan ini adalah merupakan pelan tindakan umum yang memperincikan arahan dan tindakan spesifik untuk menjamin masa depan populasi Harimau Malaya.

17. Tahun 2020 menandakan berakhirnya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), iaitu daripada tahun 2016 hingga 2020. Sebagai kesinambungan, pelan pembangunan selepas 2020 dengan hala tuju strategik akan diformulasikan untuk menetapkan jalan ke hadapan bagi agenda pembangunan negara sepanjang dekad yang akan datang bersama-sama dengan kerangka pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) oleh Kerajaan Malaysia untuk tempoh 2021 hingga 2030.
18. WKB 2030 bertujuan meningkatkan pendapatan semua kumpulan etnik, terutamanya Bumiputera yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40), miskin tegar, miskin ekonomi, mereka yang berada dalam peralihan ekonomi, Bumiputera Orang Asli, Sabah dan Sarawak, orang kurang upaya, belia, wanita, kanak-kanak dan warga emas.
19. Perjalanan kita masih panjang. Saya berkeyakinan Kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat Malaysia pada tanggal 9 Mei 2018 yang lalu adalah merupakan kerajaan terbaik yang akan bersama-sama memacu Malaysia ke arah mencapai Agenda WKB 2030. Kerajaan akan memberi penekanan yang lebih besar terhadap penstrukturan semula ekonomi dengan membangunkan kawasan ekonomi baru bagi menggerakkan ekonomi ke hadapan dan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan bergaji tinggi, sejajar dengan objektif WKB 2030. Ini memerlukan sosioekonomi yang inklusif, mampan dalam menyediakan taraf hidup yang baik untuk semua rakyat Malaysia.

Hadirin sekalian,

20. Sebentar tadi saya baru sahaja merasmikan pelancaran bas baru untuk kegunaan warga KATS. Saya mengharapkan perolehan kenderaan baru ini akan dapat membantu memudahkan dan mempercepatkan tugas seharian warga KATS.
21. Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan Selamat Tahun baru 2020 dan marilah kita bersama-sama bekerja kuat untuk memajukan bangsa dan negara kita ke arah menjadi negara maju menjelang 2030 dan seterusnya merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Sekian terima kasih.

YB Dato' Xavier Jayakumar
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

10 Januari 2020